

12/07/2004

Bandar Tun Razak calonkan Pak Lah bukan Razaleigh

KUALA LUMPUR: Umno Bandar Tun Razak mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden, sekali gus melenyapkan desas-desus mengenai kemungkinan perwakilan bahagian itu akan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah seperti yang pernah dilakukan pada 1987.

Bahagian itu dalam mesyuaratnya di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam, turut mencalonkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Presiden Umno.

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad pula dicalonkan sebagai Naib Presiden.

Sementara 25 Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang dicalonkan bahagian itu ialah Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Datuk Seri Dr Sulaiman Mohamed, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Ahmad Husni Mohd Hanadzlah, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, Datuk Noh Omar, Datuk Mohd Hassan, Datuk Shaziman Abu Mansor, Datuk Musa Aman, Datuk Abdul Ghani Osman, Datuk Mohd Khaled Nordin, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, Datuk Tengku Putera Tengku Awang, Datuk Abd Rahman Bakar, Datuk Dr Awang Adek Hussin, Datuk Seri Md Salleh Tun Md Said, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Pada 1987, Bahagian Bandar Tun Razak mencalonkan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden Umno mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad.

Turut mencalonkan Tengku Razaleigh ketika itu ialah Batu Gajah di Perak serta Labis dan Segamat di Johor.

Bahagian Batu Gajah yang sudah bermesyuarat sebelum ini juga tidak mencalonkan Tengku Razaleigh, sebaliknya memilih gandingan Abdullah dan Najib.

Pada pemilihan parti empat tahun lalu pula, Tengku Razaleigh gagal mendapat pencalonan mencukupi untuk bertanding kerusi Naib Presiden, iaitu kurang satu (minimum ketika itu adalah 17 pencalonan).

Kali ini, beliau perlu mendapat pencalonan daripada sekurang-kurangnya 58 bahagian bagi melepasi syarat kuota untuk bertanding jawatan Presiden.

(END)